

14/08/1997

Pemandangan menjijikkan

KOTOR ... longgokan sampah-sarap ini mencemari pemandangan di Pekan Batu Tujuh, 11.2 kilometer, dari pusat bandar raya Kuching.

Walaupun banyak teguran dibuat pemimpin di pelbagai peringkat, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, namun pemandangan seperti ini masih ada di sana-sini, termasuk di pekan itu.

Pelbagai sampah sarap termasuk kotak, plastik dan kertas dilonggokkan di tepi jalan, di Pekan Batu Tujuh ini.

Menurut peniaga di kawasan itu, mereka sudah memaklumkan kepada Majlis Perbandaran Padawan (MPP) memunggut sampah di situ yang semakin banyak setiap hari.

Namun peniaga di situ mendakwa, pihak berkuasa MPP memberitahu lori dan kakitangan tidak mencukupi untuk memunggut sampah.

Keadaan seperti ini bukan saja menjijikkan pemandangan, malah boleh mendedahkan penduduk di kawasan terbabit dengan pelbagai wabak penyakit.

(END)